

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan kedudukan teruk Suruhanjaya Pilihan Raya dalam Electoral Integrity Report oleh Harvard University yang meletakkan Malaysia pada tangga 114 daripada 127 negara dikaji. Apakah tindakan Kerajaan seterusnya.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah Suruhanjaya yang bebas, setiap tindakan SPR adalah berpandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan lunas demokrasi Negara kita. Kerajaan pada dasarnya berpuas hati dengan keupayaan SPR dalam mengendalikan fungsi-fungsinya bagi memastikan sistem memilih Kerajaan melalui proses pilihan raya yang demokratik terus dipelihara.

Sistem yang diamalkan sekarang memberi peluang yang menyeluruh dan ruang yang luas kepada semua pihak yang terbabit untuk sama-sama memastikan pilihan raya di Malaysia dilaksanakan dengan telus mengikut perundangan yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, kita sering mendengar pelbagai dakwaan, tohmahan dan tuduhan yang dilemparkan oleh pihak yang tertentu kepada SPR mengenai pelbagai isu bagi menjejaskan kewibawaan SPR. Namun demikian, pada masa yang sama, pihak tersebut juga mengambil kesempatan menggunakan peruntukan undang-undang yang sedia ada untuk mencapai cita-cita yang tertentu.

Berdasarkan *The Electoral Integrity Report 2015* yang disediakan oleh Harvard Kennedy School, University of Sydney, seramai tiga (3) orang pengkaji utama telah mengetuai kajian ini. Mereka adalah Pippa Norris, Ferran Martinez Coma dan Max Groemping. Kajian ini melibatkan 127 negara yang melaksanakan pilihan raya. Sebanyak 49 indikator telah

dikaji yang dikelompokkan di dalam kategori kitaran pilihan raya dari segi undang-undang, prosedur, sempadan bahagian pilihan raya, pendaftaran pemilih, pendaftaran calon dan parti, liputan media, perbelanjaan kempen, proses pengundian, pengiraan undi, keputusan pengundian, dan pihak pengurusan pilihan raya. Laporan ini disediakan berdasarkan *survey* ke atas pakar-pakar pilihan raya di setiap negara, namun pihak SPR tidak langsung dimaklumkan mengenai pakar-pakar yang terlibat dalam kajian tersebut. Skor akhir dikenali sebagai *Perception of Electoral Integrity* (PEI) telah mendapati kedudukan negara Malaysia berada di kedudukan 114 daripada 127 negara yang dikaji.

Badan-badan di luar negara bebas untuk membuat penilaian dan memberikan persepsi masing-masing terhadap SPR. Namun, hakikatnya SPR adalah merupakan sebuah institusi di bawah kuasa Yang Di-Pertuan Agong, yang bertanggungjawab untuk memelihara, mengawasi dan mengekalkan proses demokrasi di Negara ini dengan melaksanakan bidang kuasanya yang telah ditetapkan mengikut Perkara 113 (i) Perlembagaan Persekutuan. Pada dasarnya, Kerajaan berpuas hati dengan keupayaan SPR dalam setiap pelaksanaan dasar serta tindakan yang telah dijalankan.

Sekian. Terima kasih.